

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**  
**Pusat Pengajian Pengurusan**

**Kursus Semasa Cuti Panjang**  
**Sidang 1998/99**

**April 1999**

**AA W415 - PERCUKAIAN II**

**Masa: 3 Jam**

---

**ARAHAN:**

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi SEBELAS muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **SEMUA** soalan.

1. Ekotani Sdn. Bhd. (tarikh perakaunan 30 Jun) telah menjalani estat kelapa sawit beberapa tahun yang lepas. Ekotani Sdn. Bhd. telah mengenakan belanja-belanja berikut:

<u>Tarikh</u>	<u>Jenis perbelanjaan</u>	<u>Amaun</u> (RM)
1.5.1988	Belanja menaman	200,000
1.8.1988	Pembinaan pejabat estat	100,000
1.12.1988	Pembinaan rumah pengurus	80,000
1.1.1989	Pembinaan kilang asap	120,000
15.9.1989	Pembinaan rumah kediaman pekerja	160,000
1.11.1989	Pembinaan jalan estat	32,000
1.1.1990	Belanja menaman semula	23,000
5.1.1990	Belanja membesar dan mengubahsuai kilang asap	30,000
10.1.1990	Pembinaan rumah kelab pekerja estat	48,000

Pengurus estate berikhtiar meninggal di sebuah pekan yang berdekatan dan rumahnya diruntuh untuk membina padang permainan untuk kanak-kanak pekerja estat. Runtuhan rumah pengurus disiapkan pada 31.3.1993.

Estate tersebut dijual kepada Mahatani Sdn. Bhd. (tarikh perakaunan 30 September) pada 31.12.1993. Harga-harga jualan yang disetuju ialah:

	RM
Estat (termasuk jalan)	300,000
Pejabat estat	22,500
Kilang asap	39,500
Rumah kediaman pekerja	35,000
Rumah kelab pekerja estat	21,000

Dikehendaki:

Kirakan elaun pertanian dan caj pertanian bagi Ekotani Sdn. Bhd. dan Mahatani Sdn. Bhd. untuk tahun-tahun taksiran hingga tahun taksiran 1997.

[11 markah]

2.

Bina Bhd. ditubuhkan supaya mengeluarkan produk P, suatu produk yang disenaraikan dalam Arahan Penggalakan Pelaburan (aktiviti dan keluaran digalakkan) 1995. Perbelanjaan dan keuntungan yang diramalkan adalah seperti berikut:

	RM'000					
	<u>1997</u>	<u>1998</u>	<u>1999</u>	<u>2000</u>	<u>2001</u>	<u>Jumlah</u>
Tanah	5,000	-	-	-	-	5,000
Bangunan	6,000	10,000	-	-	-	16,000
Jentera & mesin	20,000	4,000	1,000	1,000	400	26,400
Untung bersih sebelum cukai	1,800	3,000	4,000	5,000	8,000	21,800

Andaikan caj susutnilai adalah sama dengan elaun modal.

Dikehendaki:

Tentukan sama ada taraf perintis atau elaun cukai pelaburan membawa lebih manfaat kepada Bina Bhd.

[16 markah]

AAW415

3. Laris Sdn. Bhd., sebuah syarikat dalam perniagaan perabot, membuat pinjaman untuk perniagaan perabot dan juga pelaburannya. Bagi tahun kewangan berakhir 31.12.1996 belanja bunga Laris Sdn. Bhd. yang tidak dibenarkan di bawah S33(2) ialah RM400,000. Selain daripada ini, Laris Sdn. Bhd. juga membuat pinjaman lain untuk mengendalikan pelaburan tertentu.

Bagi tahun kewangan berakhir 31.12.1996 akaun Laris Sdn. Bhd. menunjukkan pelaburan dan pendapatannya seperti berikut:

(a) <u>Simpanan tetap</u>	<u>Amaun</u> RM'000	<u>Pendapatan bunga</u> RM'000
Simpanan tetap No.1	80	10
Simpanan tetap No.2	120	-
	<u>200</u>	<u>10</u>
	= =	= =

- (b) Syer (bukan syarikat bersekutu)

	<u>Bilangan syer</u>	<u>Kos</u> RM'000	<u>Pendapatan</u> <u>dividen (kasar)</u> RM'000
Kuning Bhd.	10,000	200	20
Biru Bhd.	10,000	1,400	20
Hijau Bhd.	30,000	200	40 (dikecualikan cukai)
Putih Bhd.	10,000	200	144
Hitam Bhd.	10,000	1,400	-
		<u>3,400</u>	<u>224</u>
		= = =	= =

10,000 syer dalam Kuning Bhd. telah diperolehi melalui pinjaman khusus untuk tujuan pelaburan ini dan belanja bunga yang telah dikenakan ialah sebanyak RM20,000.

(c) <u>Harta</u>	<u>Kos</u> RM'000	<u>Pendapatan</u> <u>sewa (RM'000)</u>	<u>Belanja sewa</u> <u>(termasuk bunga)</u> RM'000
Banglo	-	120	12
Kondominium	400	-	10
Kedai A	200	24	6
Kedai B	200	48	8
	<u>800</u>	<u>192</u>	<u>36</u>
	= =	= =	= =

AAW415

Banglo telah dihadiah kepada Laris Sdn. Bhd. sedangkan Kedai B diperolehi melalui suatu pinjaman bank yang terkhusus bagi tujuan ini dan bunga yang dikenakan ialah RM24,000.

Nilai pasaran banglo tersebut pada 31.12.1996 ialah RM1,000,000.

Dikehendaki:

Kirakan pendapatan larasan sumber-sumber bukan perniagaan Laris Sdn. Bhd. bagi tahun taksiran 1997 menurut garis panduan Lembaga Hasil Dalam Negeri.

[12 markah]

4. Pada 1.6.1991 Harta Holdings Sdn. Bhd. memperolehi 2 juta syer biasa bernilai RM1 syer di dalam Tanah Sdn. Bhd., sebuah syarikat terkawal dengan balasan sebanyak RM3 juta.

Harta Holdings Sdn. Bhd. mendapatkan lagi 2 juta syer biasa pada nilai par Tanah Sdn. Bhd. pada 1.3.1995 sebagai pelaburan tambahan melalui keluaran hak.

Tanah Sdn. Bhd. memiliki dua blok kompleks pejabat di Pulau Pinang yang diperolehi pada tarikh-tarikh seperti berikut:

	<u>Tarikh perolehan</u>	<u>Kos perolehan</u> RM'000
Kompleks No.1	1.1.1990	4,000
Kompleks No.2	2.2.1995	10,000

Tanah Sdn. Bhd. menyediakan akaunnya hingga 30 November setiap tahun dan menilai semula kompleks No.1 ke RM8 juta pada 30.11.1994 berasaskan satu penilaian ikhtisas.

Kunci kira-kira Tanah Sdn. Bhd. pada 30.11.1996 adalah seperti berikut:

	<u>RM'000</u>
Aset tetap	
Kompleks pejabat No.1 & No.2	18,000
Jentera dan mesin	2,000
Aset semasa	2,000
Liabiliti semasa	(1,000)
	<u>21,000</u>
	= = = =

Diwakili oleh:

Modal dikeluarkan dan dibayar 10 juta syer biasa @ RM1 satu	10,000
Keuntungan tertahan dan resab modal	6,000
Liabiliti jangka masa panjang	5,000
	<u>21,000</u>
	= = = =

Harta Holdings Sdn. Bhd. melupuskan kesemua syernya dalam Tanah Sdn. Bhd. pada 20.2.1997 dengan harga RM8 juta.

Dikehendaki:

Kirakan cukai keuntungan jualan hartanah yang kena dibayar oleh Harta Holdings Sdn. Bhd.

[16 markah]

5.

Amanah Raya adalah bermastautin di Malaysia dan mempunyai sumber pendapatan berikut bagi tahun berakhir 31 Disember 1996:

Perniagaan (Malaysia - pendapatan statutori)	RM50,000
Perniagaan (bukan Malaysia - Jepun) (RM40,000 dikirinkan ke Malaysia)	RM60,000

Benefisiari A (pemastautin) - Berhak mendapat 1/3 pendapatan boleh agih dari Amanah Raya

Benefisiari B (pemastautin) - Berhak mendapat 1/3 pendapatan boleh agihan dari Amanah Raya  
- Bagi tahun berakhir 31 Disember 1996 B menerima RM20,000 dan juga RM4,000 dari sumber perniagaan Jepun di Malaysia

Benefisiari C (bukan - Berhak menerima 1/3 pendapatan pemastautin dan bukan warga boleh agih dari Amanah Raya negara)

Dikehendaki:

- (a) Kirakan pendapatan statutori benefisiari A.
- (b) Kirakan cukai kena dibayar oleh:
  - (i) Amanah Raya
  - (ii) Benefisiari B

[18 markah]

6.

Telcom Bhd. mengeluarkan alat komunikasi. Tempoh perakaunan ialah 30 September. Telcom Bhd. mempunyai cawangan perdagangan di Hong Kong dan anak syarikat pemilikan penuh di Singapura. Telcom Bhd. bermastautin di Malaysia dan akaun perdagangan dan untung ruginya bagi tahun berakhir 30 September 1997 adalah seperti berikut:

Telcom Bhd.			
Akaun perdagangan, untung rugi untuk tahun berakhir 30 September 1997			
	Nota	Operasi Malaysia RM000	Operasi Hong Kong RM000
Jualan		40,000	12,000
Tolak: Kos jualan			
Stok mula		6,400	2,800
Kos barangan disediakan	a	23,200	-
Belian		<u>-</u>	<u>8,400</u>
Stok akhir	b	29,600	11,200
		<u>5,600</u>	<u>3,200</u>
		<u>24,000</u>	<u>8,000</u>
Untung kasar		16,000	4,000
Campur: Pendapatan lain			
Dividen	c	1,022	
Bunga dari simpan tetap	d	230	
Royalti	e	146	
Keuntungan jualan aset tetap	f	<u>602</u>	<u>-</u>
		<u>2,000</u>	<u>4,000</u>
Tolak: Belanja pentadbiran			
Gaji dan elaun	g	2,190	440
Penyelenggaraan, utiliti dan insurans		950	50
Yuran guaman dan profesional	h	240	40
Sumbangan dan derma	i	760	70
susutnilai		<u>260</u>	<u>120</u>
		<u>4,400</u>	<u>720</u>
Belanja jualan dan pengagihan			
Gaji dan komisyen		3,720	900
Iklan, promosi dan keraian	j	560	170
Pengangkutan dan insurans		920	130
Belanja kenderaan dan perjalanan	k	<u>1,440</u>	<u>240</u>
		<u>6,640</u>	<u>1,440</u>
Belanja kewangan	l	<u>960</u>	<u>240</u>
Untung sebelum cukai		<u>12,000</u>	<u>2,400</u>
		<u>6,000</u>	<u>1,600</u>

Nota: (hanya berkaitan dengan operasi Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya)

(a) Kos barang disediakan meliputi:

(i)	Belanja penyelidikan dan pembangunan:	RM000
	Kos perjalanan kakitangan menghadiri seminar di luar negeri	20
	Kawalan kualiti dan pengujian produk	40
	Royalti bagi proses sulit	100
	Kos pengangkutan bahan digunakan dalam penyelidikan	24
	Yuran bagi perkhidmatan analisa dan penilaian data	50
	Sewa bagi premis makmal	30

Permohonan untuk perbelanjaan penyelidikan telah diluluskan untuk semua perbelanjaan yang layak.

(ii)	Belanja latihan:	RM000
	Kursus pembinaan semangat pasukan untuk kakitangan kilang	48
	Elaun harian bagi pelatih pada kadar RM500 sehari	20
	Kursus "Just-in-Time" bagi penyelia keluaran	54
	Elaun harian pada kadar RM300 sehari untuk menghadiri latihan luar negeri	12
	Bayaran bagi kursus perkembangan kemahiran	34
	Bahan latihan untuk meningkatkan kualiti produk	32

Permohonan bagi perbelanjaan latihan telah diluluskan untuk semua perbelanjaan yang layak. Telcom Bhd. belum didaftarkan dengan Dana Perkembangan Sumber Manusia.

(iii) Sewa leasing sebanyak RM240,000 adalah untuk kegunaan mesin yang telah dibayar kepada syarikat di Belanda. Cukai pegangan telah dipotong.

(iv)	Susutnilai	RM000
	Kilang	400
	Jentera dan mesin	240

(b) Nilai stok akhir adalah selepas potongan sebanyak 20% bagi peruntukan keusangan stok.

- (c) Dividen berikut telah diterima daripada anak syarikat di Singapura:

	Kasar RM000	Cukai dipotong RM000	Bersih RM000
Dividen akhir – 27 Disember 1996	1,000	270 (27%)	730
Dividen pertengahan – 27 Jun 1997	400	108 (27%)	292
Dividen akhir – 27 Disember 1998	1,200	324 (27%)	876

Pelaburan dalam anak syarikat telah diperolehi melalui pinjaman sebanyak RM3,000,000 pada Januari 1995.

- (d) Bunga dari simpanan tetap daripada bank di Malaysia telah diterima setengah tahun sekali seperti berikut:

	<u>RM000</u>
31 Disember 1996	90
30 Jun 1997	140
31 Disember 1997	140

Simpanan tetap sebanyak RM3,000,000 telah didepositkan di bank pada 1 Julai 1996 dan ditambah kepada RM4,000,000 pada 1 Januari 1997.

- (e) Royalti bersih telah diterima daripada anak syarikat di Singapura.  
 (f) Keuntungan dari jualan aset tetap adalah seperti berikut:

	Tahun perolehan	Kos asal RM000	Harga jualan RM000	Nilai selepas cukai RM000
Jentera dan mesin II	1993	2,460	480	-
Kereta Mercedes	1994	300	180	32
Komputer pejabat	1994	240	40	100
		3,000	700	132
Susutnilai terkumpul		2,902		
		98		
Harga jualan		700		
Keuntungan		602		

- (g) Gaji dan elaun termasuk: ganjaran pengarah pengurusan sebanyak RM240,000, sumbangan 22% bagi KWSP dan bonus 6 bulan gaji.



- (h) Yuran guaman dan profesional:
- |  | RM000      |
|--|------------|
| Pembaharuan tandaniaga dan proses sulit                | 90         |
| Menyiapkan tender bagi pelanggan luar negeri           | 40         |
| Mereka dan mencetak buku korporat                      | 36         |
| Menyediakan buku panduan kakitangan dan manual operasi | 44         |
| Penyelidikan pasaran eksport                           | <u>30</u>  |
|  | <u>240</u> |
- (i) Sumbangan dan derma termasuk derma sebanyak RM520,000 yang mana RM100,000 dan RM240,000 telah dibayar kepada institusi yang diluluskan pada 31 Oktober 1996 dan 30 Jun 1997 masing-masing. Derma sebanyak RM310,000 telah berikan kepada institusi yang diluluskan pada 30 November 1997.
- (j) Iklan, promosi dan keraian meliputi:
- |   | RM000 |
|---|-------|
| Elaun harian sebanyak RM400 sehari bagi perundingan kontrak eksport | 40    |
| Iklan dalam majalah perdagangan serantau                            | 50    |
| Belanja ke atas lawatan pemborong dari luar negara                  | 10    |
| Keraian pelanggan luar negara                                       | 36    |
| Perayaan pekerja cemerlang  | 16    |
| Keraian kakitangan  | 24    |
- (k) Belanja kenderaan dan perjalanan meliputi:
- |  | RM000 |
|--|-------|
| Penyelenggaraan kenderaan dan minyak                                     | 450   |
| Tambang cuti luar negeri   | 100   |
| Konvensyen pemborong jualan di Bali                                      | 120   |
| Persidangan pengurusan tahunan di Genting                                | 96    |
| Sewa leasing - kereta Volvo (sewa bulanan @ RM6,000 dari 1 Januari 1996) | 72    |
| - kereta Mercedes (sewa bulanan @ RM3,000 dari 1 Januari 1997)           | 27    |
- (l) Bunga dibayar ke atas kemudahan kredit sebanyak RM12,000,000 pada kadar RM80,000 sebulan. Kemudahan ini diberikan pada 1 Januari 1994.

- (m) Aset tetap (dicerminkan di kunci kira-kira) yang layak untuk elaun modal adalah seperti berikut:

	Tarikh pembinaan/ perolehan	Kos RM000	Kadar elaun tahunan %
Bangunan kilang	1 Januari 1995	1,600	2
Jentera dan mesin I	31 Ogos 1996	2,400	16
Perabot dan kelengkapan pejabat	1 Disember 1996	500	12
Jentera dan mesin III	30 Jun 1997	1,000	10

Jentera dan mesin III diperolehi untuk tujuan peningkatan kapasiti. Telcom Bhd. juga membelanjakan RM300,000 untuk meluaskan kilang yang telah diambil kira dalam belanja penyelenggaraan, utiliti dan insurans.

- (n) Untung selepas cukai Hong Kong bagi cawangan Hong Kong ialah RM1,336,000 di mana separuh daripada amaun tersebut telah diterima di Malaysia pada 30 September 1997.
- (o) Kadar cukai asing ialah:
- |           |       |
|-----------|-------|
| Hong Kong | 16.5% |
| Singapura | 27%   |

Malaysia mempunyai perjanjian percukaian dua kali dengan Singapura tetapi tiada dengan Hong Kong.

Dikehendaki:

Kirakan liabiliti cukai Telcom Bhd. bagi tahun taksiran 1998 dengan menunjukkan kesemua pelarasan cukai.

[27 markah]

---ooo000ooo---

LAMPIRAN

Cukai pendapatan individu yang kena dibayar

Kum. berpendapatan bercukai (RM)	(RM)	Jumlah cukai
1 - 2,000	0% di atas yang pertama 2,500	0
2,501 - 5,000	2% di atas yang berikut Di atas yang pertama <u>2,500</u> 5,000	<u>50</u> 50
5,001 - 10,000	4% di atas yang berikut Di atas yang pertama <u>5,000</u> 10,000	<u>200</u> 250
10,001 - 20,000	6% di atas yang berikut Di atas yang pertama <u>10,000</u> 20,000	<u>600</u> 850
20,001 - 35,000	10% di atas yang berikut Di atas yang pertama <u>15,000</u> 35,000	<u>1,500</u> 2,350
35,001 - 50,000	16% di atas yang berikut Di atas yang pertama <u>15,000</u> 50,000	<u>2,400</u> 4,750
50,001 - 70,000	21% di atas yang berikut Di atas yang pertama <u>20,000</u> 70,000	<u>4,200</u> 8,950
70,001 - 100,000	26% di atas yang berikut Di atas yang pertama <u>30,000</u> 100,000	<u>7,800</u> 16,750
100,001 - 150,000	29% di atas yang berikut Di atas yang pertama <u>50,000</u> 150,000	<u>14,500</u> 31,250
Melebihi 150,000	30%	

---ooo000ooo---